



*Memo*

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA**  
**MALAYSIAN RUBBER BOARD**

Kepada : Semua Anggota LGM  
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia  
Rujukan : LGM/BPS/UPSM/A/0047  
Tarikh : 7 September 2009

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BIL 14 TAHUN 2009**

**ARAHAN BERTUGAS LEBIH MASA**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Ketua Jabatan atau Pejabat boleh menghendaki mana-mana pegawainya bertugas di luar masa yang ditetapkan apabila pada pandangannya ini adalah untuk kepentingan awam atau kepentingan perkhidmatan.

3. Sehubungan itu mana-mana anggota LGM yang diarah bertugas lebih masa pada hari bekerja biasa, hari cuti am atau hari kelepasan mingguan oleh Ketua Jabatan di Bahagian/Unit/Stesen/Wilayah **dikehendaki mematuhi arahan tersebut.**

4. Anggota yang didapati ingkar mematuhi arahan tanpa sebab yang munasabah boleh disabit di bawah peraturan 3 (2) (i) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*‘Kreatif, Inovatif, Progresif’*

**(ROSNA ABD RAZAK)**

s.k : Y. Bhg. Dato' Ketua Pengarah  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)  
Pengarah-Pengarah Bahagian